

# SELANGOR AKAN UBAH DASAR BANGUN TANAH

KUALA LUMPUR. Ahad — Kerajaan Negeri Selangor akan mengubah beberapa dasar berhubung pembangunan tanah dan perumahan.

Dalam hubungan itu Menteri Besar, Datuk Haji Ahmad Razali, berkata dasar pembekuan tanah bagi projek perumahan swasta yang lebih dari 16 hektar akan dikaji semula.

Dasar tersebut dikuatkuasakan sejak tahun 1980 lalu di mana kawasan lebih 16 hektar dibekukan.

Datuk Haji Ahmad Razali menegaskan kajian tersebut dibuat berikutan rayuan setengah-setengah pihak mengenai kesukaran dalam melaksanakan projek-projek perumahan di Selangor.

Menteri Besar berkata, pertimbangan utama kajian tersebut akan dilakukan di kawasan Lembah Kelang.

Beliau yang juga Timbalan Pengerusi Majlis Lembah Kelang akan membuat laporan lengkap mengenai kajian tersebut dan

mengemukakan nya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, Perdana Menteri selaku Pengerusi Majlis tersebut dijangka akan memanggil mesyuarat Jawatankuasa Majlis tidak lama lagi.

Bagaimanapun, beliau tidak menyebut apakah bentuk-bentuk kajian yang akan dijalankan itu.

Datuk Haji Ahmad Razali menyatakan demikian kepada para pemberita selepas merasmikan UMNO ca-

wangan Lembah Melawati, Fasa Lima, Ulu Kelang, dekat sini hari ini. Penubuhan cawangan itu merupakan yang ke-92 di kawasan Selayang.

Datuk Haji Ahmad Razali berkata Kerajaan Negeri akan juga mengkaji peratusan perumahan yang akan dibina secara usahasama dan di kawasan pindah milik.

Dengan kajian itu kelak, Kerajaan Negeri dapat meneliti jumlah rumah murah, sederhana dan tinggi yang akan

dibina.

Beliau juga mencadangkan agar setiap rancangan perumahan disediakan dengan kawasan perkuburan.

Datuk Haji Ahmad Razali menegaskan bahawa beberapa Lembaga Pengarah dalam badan-badan berkanun di bawah Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri akan dilaksanakan tidak lama lagi.

Dalam hubungan ini, beberapa lembaga dari beberapa syarikat akan

diganti, sekiranya perlu seperti yang termaktub di bawah Akta Syarikat.

Katanya, beberapaantikan Lembaga Pengarah di beberapa syarikat juga terpaksa ditanggihkan walaupun telah mengadakan mesyuarat agungnya kerana menunggu perantikan lembaga-lembaga pengarah yang baru.

Semalam, Timah Langat mengadakan mesyuarat agungnya sementara Negara Properties akan menyusul Selasa ini.

Mengenai keutamaan projek yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri berikutan kemerosotan ekonomi, Datuk Haji Ahmad Razali berkata beliau masih menunggu laporan rasmi dari Kerajaan.

Bagaimanapun, beliau memberi jaminan projek-projek yang memberi kepentingan kepada rakyat tidak akan tergendala sementara projek-projek yang tidak begitu penting akan dipertahankan pelaksanaannya.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

No. Siri ..... 2815  
No. Penerimaan ..... 560/85